

15/05/1998

Asnita tidak jatuh bawah 50 sen

KUALA TERENGGANU, Khamis - Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yakin Amanah Saham Wanita (Asnita) mendapat sambutan kebanyakan wanita di negara ini kerana ia berbeza berbanding saham amanah lain, sebelum ini.

Menurutnya, di samping harga terendah iaitu 50 sen seunit, Asnita menawarkan faedah lain, termasuk perlindungan insurans, khairat kematian dan bantuan perniagaan.

Katanya, Asnita juga tidak mungkin jatuh ke paras lebih rendah daripada 50 sen, malah berpotensi untuk meningkat lebih tinggi.

"Sejak Asnita dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 5 Mei lalu, ia sudah mengumpul lebih RM2 juta pelaburan di kalangan wanita negara ini," katanya ketika menjadi tetamu jemputan Radio Tiga Kuala Terengganu, di sini hari ini.

Selepas itu beliau melawat Hospital Kuala Terengganu (HKT) dan dijangka hadir pada majlis pelancaran Asnita peringkat negeri di Dewan Besar Wisma Darul Iman, di sini petang ini.

Bagaimanapun, majlis pelancaran yang akan dilakukan Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad itu dibatalkan kerana kemangkatan Sultan Terengganu, Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Marhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di Hospital Mount Elizabeth, Singapura, kira-kira jam 10.15 pagi tadi.

(END)